

Kelolaan Bersama

SM

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

dengan

LEMBAGA PEPERIKSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH
2014

SURAT MENYURAT

MASA : 1½ jam

PERINGATAN:

Calon-calon MESTILAH menyiapkan TIGA PERKARA sahaja daripada empat perkara yang disediakan dengan memilih mana-mana perkara yang calon fikirkan mudah untuk membuatnya. TETAPI bagi PERKARA I (Menyalin) mestilah dibuat terlebih dahulu dalam masa 20 minit.

Arahan:

Katakanlah kamu seorang kerani/jurutaip dalam sebuah pejabat. Hari ini pejabat kamu berkehendakkan calon membuat beberapa kerja. Ikutlah arahan-arahan yang diberi di bawah ini bagi tiap-tiap kerja dalam Perkara-Perkara yang telah ditentukan.

1. Kamu mestilah membaca dan meneliti dengan cermat semua perkara dan arahan dalam kertas ini sebelum cuba menjawabnya.
2. Perlu diingatkan bahawa hasil kerja calon yang bersih dan teratur adalah suatu keutamaan dan keuntungan.
3. Kamu boleh menggunakan getah pemadam atau apa-apa juar jenis alat pemadam yang lain tetapi calon akan kehilangan markah jika kerja-kerja calon itu tidak bersih dan teratur. Jangan meninggalkan sebarang kesalahan yang tidak dibetulkan.
4. Kerja-kerja kamu mestilah merupakan naskhah-naskhah siap yang boleh diposkan dengan tidak mempunyai sebarang kekotoran dan kesalahan-kesalahan yang belum dibetulkan. Kesalahan hendaklah dibetulkan dengan cermat dan dalam keadaan yang seharusnya boleh menyenangkan perasaan Majikan atau Ketua Pejabat menerimanya.



(

)

PERKARA I

ARAHAN: Salin semula petikan rencana di bawah ini dengan menggunakan mesin taip dalam JARAK SATU. Gunakan margin kiri 3.8 cm [$1\frac{1}{2}$ inci]. Kebersihan dan susunan yang elok dan menarik adalah diperlukan hasil kerja taip kamu. BAHAGIAN ini hendaklah disiapkan dalam masa yang ditetapkan iaitu DALAM TEMPOH 20 MINIT sahaja.

Kitani berasa bangga kerana adanya inisiatif memperkenalkan Projek Khidmat Bakti Negara (PKBN) sebagai program kebangsaan. Walaupun ini merupakan projek rintis sebelum pelaksanaan secara penuh di negara ini tetapi ini adalah sebagai bermulanya program yang sangat bermanfaat kepada belia kitani. Seramai 80 orang peserta belia dengan 40 belia lelaki dan 40 belia perempuan mengikuti projek rintis PKBN ini yang diharapkan akan melahirkan belia yang patriotik kepada raja, bangsa dan agama serta cekal dan bertanggungjawab kepada diri sendiri, masyarakat, pemimpin dan negara.

Kitani sepatutnya bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak kendur-kendur berusaha untuk meningkatkan pembangunan jati diri dalam kalangan para belia di negara ini untuk menempuh cabaran hidup. Baginda begitu prihatin mengenai pembangunan belia yang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan dan diharapkan dengan projek ini dapat melengkapkan kewibawaan, ketahanan diri, keiltizaman, semangat kesukarelawan dan patriotism kalangan belia di negara ini. Semangat inilah yang perlu demi menjamin kekuatan dan kekukuhannya sebuah negara dengan para belia yang berpotensi untuk menjadi asset negara yang sangat berharga. Apalah gunanya

bersambung sebelah...../2.

- 2 -

jika sesebuah negara itu mempunyai ramai belia tetapi tidak berkualiti. Pastinya kehancuran dan kemusnahan akan bertlakeu pada negara yang tidak mempunyai belia yang berjiwa kenegaraan, bersifat kepimpinan, bertanggungjawab dan bersikap 'malastah ku ingau'.

Para belia di negara ini sangat bertuah kerana tidak dibenarkan bersendirian dalam mengharungi kehidupan yang mencabar ini. Mereka diberi bimbingan, panduan malah galakan untuk menyertai program-program yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu untuk membentuk asas jati mereka agar tidak hanyut oleh gelombang globalisasi yang serba mencabar. Identiti kebrunei dan kenegaraan perlu dipupuk dalam jiwa belia kita ni sejak awal lagi agar haluan hidup mereka tidak terbabas daripada jalan yang sepatutnya. Tanpa tujuan dan pegangan hidup, mereka akan hilang dan lupa jati diri sedangkan kitani adalah rakyat Negara Brunei Darussalam yang mananai peruh negara, Melayu Islam Beraja (MIB).

PERKARA II

ARAHAN: Taip semula draf surat di bawah ini dalam bentuk BLOK PENUH dengan menggunakan JARAK SATU dan membetulkan beberapa perubahan yang telah dibuat dalam keadaan bersih dan kemas. Gunakan margin kiri 3.8 cm [$1\frac{1}{2}$ inci]. Bubuh tarikh hari ini, dengan rujukan surat SKP/PA/12 (54) serta penuhkan ejaan ringkas. Alamatkan surat ini kepada Yang Mulia, Awang Haji Hashim bin Abdul Rahman, No. 10, Simpang 49 Kampong Tasek Meradun, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan BF1320, Negara Brunei Darussalam.

(Awg Haji,

stB //Menjadi Ahli Koperasi//

28 (1) ~~Dan~~ hormat suka cita ~~dinyatakan~~ bahawa berikut penerimaan syarikat ~~Awg Haji~~ sebagai ahli koperasi, ada baiknya diterangkan serta sedikit mengenai peranan atau fungsi setiap ahli dalam koperasi.

29 Ahli-ahli koperasi adalah terdiri ~~dari~~ mereka ~~yg~~ bersama-sama menubuhkan koperasi dan mereka ~~yg~~ dari masa kesmasa memasuki keahlian koperasi.

30 Setiap ahli koperasi mestilah mengetahui segala kewajipan dan tanggungjawabnya terhadap koperasi. Mereka hendaklah memahami objektif, cara perjalanan, perkembangan dan arah ke mana organisasi dikendalikan. Hanya dengan pengetahuan asas mengenai koperasi masing-masing barulah seseorang ahli itu dapat mengetahui samada koperasi berjalan betul atau menyelengeng.

Antara peranan ahli ~~dlm~~ koperasi ialah:-

31 (a) Perkhidmatan sebagai ahli lembaga koperasi atau apa-apa jawatan atau tugas yang diperlukan oleh ahli-ahli ~~yg~~ diputuskan oleh mesyuarat agung.

(b) Mengundi ~~dlm~~ apa-apa perkara yang memerlukan undian ~~utk~~ mencapai keputusan tertakluk kepada konsep seorang satu undi; dan, pertincangan

32 (c) Menghadiri mesyuarat agung dan mengambil bahagian ~~dlm~~ mengenai perjalanan mesyuarat dan kegiatan-kegiatan koperasi;

33 Adalah menjadi kewajipan yang mustahak ~~kpd~~ setiap ahli untuk mempelajari dan mengetahui prinsip dan konsep menjadi dasar asas ~~kpd~~ organisasi yang mereka anggotai. Tanpa pengetahuan dalam kefahaman asas ini akan dapat mengurangkan perjalanan koperasi dan mengjudikan masalah demi masalah ~~dlm~~ organisasi. Sekian untuk diambil perhatian dan diharap ~~Awg Haji~~ akan dapat memberikan sumbangan buah fikiran dan sentiasa memberikan kerjasama demi untuk menjukan koperasi.

yang membina

bersambung sebelah..... /2

- 2 -

Dgn hormat,
4
Setiausaha
Lembaga Perbadanan Koperasi Nasional
SPB // (Haji Kamaruzaman bin Haji Ibrahim)

PERKARA III

ARAHAN: Taip semula senarai kadar tukaran wang di bawah ini dalam bentuk yang menarik dan kemas susunannya. Gunakan jarak yang bersesuaian.

SHS dan
tengahkan // Pertukaran Wang.
(Berikut adalah kadar tukaran yg diniagakan pada 21.12.2011) ejakan bulannya

Ringgit Brunei 1 unit (kpd) mata wang asing

	Jualan TT/OD	Belian TT	Jualan Tunai
28 Dolar AS	1,3174 7,5574	1,2964	1,3500
Dolar New Zealand	1,0135	0,9634	1,0389
EURO	1,7312	1,6746	1,3600
Pound Sterling	2,0571	2,0020	2,0900
29 Dolar Australia	1,3223 7,9945	1,2776 7,2569	1,7500
29 as Dolar Kanada	1,2810	1,2412	1,3231

Pertukaran wang asing kepada 1unit ringgit Brunei

	Jualan TT/OD	Belian TT	Jualan Tunai
Tkr. 1 (Swiss Franc)	140,42	138,62	160,45
Dolar Hong Kong	17,25	16,28	19,31
Rupiah Indonesia	2,88	1,97	n/a
Rupe India	0,0164	0,0124	0,0216
Riyal Arab Saudi	35,86	33,34	40,07
Baht Thailand	4,41	3,64	5,45
Yen Jepun	1,6918	1,6597	1,8433
Peso Filipina	3,37	2,57	3,86

PERKARA IV

ARAHAN: Taip semula draf iklan jawatan kosong di bawah ini dalam bentuk yang menarik dan kemas susunannya. Gunakan JARAK SATU.

SHB dan

fengahkan // Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

- SHB 6] Permohonan adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yg berkelayakan bagi memenuhi jawatan kosong yg berikut Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Dalam Perkhidmatan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Yayasan).

A PEMBENTU PEJABAT

Kelayakan:

hb (i) Rakyat negara Brunei Darussalam.

!# jarak (ii) Berumur diantara 20 hingga 30 tahun ptg tarikh tutup iklan.

29 hb (viii) Penahan-pemohon yg boleh bertutur dengan baik dalam bahasa melayu, akan diberi keutamaan. dan bahasa Inggeris

(g) hb (iv) Berkebolehan menggunakan komputer (ms office) akan diberi pertimbangan keutamaan.

1 hb (viii,x) Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya lulus penilaian Menengah Bawah (AMB) atau yang sebanding dengannya. & peperiksaan

(vi) Pemohon yg mempunyai pengalaman dalam bidang kerja dan jawatan yg berkaitan akan diberikan keutamaan.

(vii) Mempunyai lesen memandu yg sah dan kenderaan sendiri.

Peringatan:

mengemukakan

- tkr 6] Hanya pemohon yg berjaya sahaja akan dihubungi. Penahan-pemohon hendaklah permohonan straf secara bertulis dengan menyertakan sijil-sijil yg berkenaan dan nombor telefon yg mudah dihubungi, berserta dengan gambar baru berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-

Pengarah Urusan

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Jln Kumbang Pasang

Gadong BA1511

NBD ejakan penulih

- 6] Tarikh tutup penerimaan permohonan ialah pada 16.12.2011, ejakan bulannya jam 5.00 ptg.